

# Guna populariti tulen untuk bertanding — Dr. M

U.M. - 9 NOV 1992

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta ahli-ahli parti yang hendak bertanding merebut jawatan supaya menggunakan 'populariti tulen' mereka dan bukan populariti yang 'dibeli' dengan wang.

Beliau berkata, bertandinglah dengan jujur kerana hanya mereka yang jujur akan mencapai kejayaan yang berkekalan.

"Kalau hendak membetulkan sesuatu, tidak ada jalan yang mudah tetapi yang buruk itu senang dilakukan," kata Dr. Mahathir semasa berucap

menggulung perbahasan pada akhir Perhimpunan Agung UMNO di sini petang ini.

Beliau berkata, sesuatu matlamat yang mahu dicapai itu perlu dibuat dengan usaha yang gigih dan mengharungi pelbagai rintangan sebelum kejayaan itu dapat dikecapi.

Tambahnya, asas-asas demokrasi ialah populariti yang dicapai melalui suara ramai dan inilah cara yang paling baik untuk memilih pemimpin.

"Kini pada peringkat cawangan pun hendak jadi ketua mesti bawa ahli-ahli makan angin.

"Budaya ini membawa keburukan kepada semua khususnya apabila rasuah dilayan dengan rasuah. Saya harap amalan ini tidak menjadi amalan UMNO," katanya.

## Kepercayaan

Mengenai surat layang, beliau mengingatkan, UMNO hanya boleh dihancurkan melalui dalam iaitu apabila kepercayaan sesama ahli sudah tidak ada.

"Jangan berpegang kepada surat layang kerana mereka yang terlibat hanya mahu merobohkan UMNO," tambahnya.

Malangnya, kata beliau, ada juga orang yang menyatakan kebaikan surat layang itu dan ini menyedihkan kerana amalan itu akan merosakkan UMNO.

Menurutnya, kalau mereka yang terlibat berniat baik dan tidak pengecut, perkara-perkara yang tidak betul itu patut disampaikan secara terang.

Perdana Menteri berkata, tegur-menegur yang dibuat antara ahli-ahli biasa dengan Majlis Tertinggi adalah baik untuk pengurusan parti sebab teguran-teguran dapat diterima dengan baik walaupun kadang-kala pedih.